

TM

SOLUSI

PANDUAN
HIDUP
BERSYARIAT

WISS

2012 | PP 15048/05/2013 (032162) | • MOTIVASI • FARDU AIN •

ISU No. **45**

Bukan Babu, Bukan Ratu

Jika ada suruhan Nabi s.a.w. agar isteri dilayan bak ratu, sudah pasti yang lebih layak menerimanya itu ialah para isteri, anakanda Nabi dan isteri para sahabat. Namun jelas dalam sejarah, para wanita solehah ini tetap melakukan kerja-kerja rumah sehingga Fatimah r.ha. datang mengadu kesukarannya, lalu Nabi s.a.w. memujuk dengan memberi zikir penguat jiwa.

Andai suami sudah bermandi peluh dan keringat serta memerah minda dan fizikal untuk mencari nafkah keluarga, apa salahnya isteri membantu menyelesaikan tugas rumah tangga.

Selanjutnya di hlm. 52-53

> Ada Syurga dalam Hati

hlm. 28

> VIP yang Mendapat Naungan Allah

hlm. 12

> Pewaris al-Quran

hlm. 67

Pemimpin seperti Muhammad al-Fatih tidak selalu muncul di persada sejarah dan hanya sekali-sekala. Kemunculannya bukan secara kebetulan, tetapi diawali dan didasari oleh satu perancangan yang rapi.

MEMILIH AL-FATIH



Imbas kod untuk ke Facebook Majalah Solusi



AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS
Incorporated in Malaysia

ISSN 1985-5400



9 771985 540003

> 45



RM 10.00 (SEM)
RM 12.00 (S/S)
SGD 7.50
BND 7.50
USD 10.00
EUR 8.00
IDR 35,000.00
AUD 7.50

TELAGA BIRU SDN. BHD.

Objektif Syariah di Sebalik Kewangan Islam

Apabila disebut tentang muamalat Islam, ramai yang berpendapat bahawa *maqasid* di sebalik pensyariaan hukum-hakam adalah untuk menjaga keadilan dalam pembahagian harta, kejelasan pemilikan harta dan putaran harta dalam komuniti secara sihat sebagai tumpuan utama yang diketengahkan untuk perbincangan.

Seringkali terdapat pengkaji yang membuat ukuran tahap pencapaian *maqasid* dalam sektor muamalat dan perbankan melalui:

- 1. Rujukan kepada harga:** Adakah ia murah dan tidak membebankan?
- 2. Keluasan tebaran kekayaan kepada awam:** Adakah kekayaan institusi ini dikongsi bersama-sama orang awam?
- 3. Pembasmian kemiskinan:** Adakah institusi kewangan Islam hari ini dapat mengurangkan jurang antara si kaya dengan si miskin?
- 4. Kesan kepada ekonomi awam:** Adakah kewujudan institusi kewangan Islam dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi sebenar atau hanya menambah jumlah hutang isi rumah?

Namun begitu, pemfokusan ukuran tahap pencapaian *maqasid* sebegini kurang tepat kerana *maqasid* mempunyai tingkatannya yang bermula daripada susunan teratas iaitu *daruriyyat* yang meliputi kepentingan agama, nyawa, akal, keturunan atau maruah dan harta.

Justeru pada hemat saya, perbincangan tahap *maqasid* mesti ditumpukan kepada sejauh mana pencapaian di semua peringkat ini dapat dicapai oleh institusi kewangan Islam di negara kita. Perlu difahami bahawa muamalat atau sistem kewangan Islam itu sebenarnya mestilah menasarkannya untuk mencapai *maqasid hiiz al-din* (memelihara agama) terlebih dahulu, kemudian nyawa dan seterusnya.

Objektif Utama

Sistem dan prinsip muamalat adalah sebahagian daripada ilmu fiqh dan tuntutan agama Islam untuk mengatur kehidupan umat. Prinsip-prinsip syariah yang bersumberkan al-Quran dan sunnah menjadi rujukan utama dalam menterjemahkan kehendak dan keperluan manusia yang sentiasa berubah mengikut peredaran masa dan situasi.

Dalam konteks meraikan kehendak dan keperluan semasa berkaitan dengan muamalat, syariah sama sekali tidak menyulitkan keadaan dengan hanya merujuk kepada teks al-Quran dan sunnah, terpisah daripada kefahaman konteks dan *maqasid*nya. Pendapat para ulama diperlukan untuk memperincikan hukum sesuatu perkara yang digambarkan secara umum oleh kedua-dua sumber utama tersebut.

Bagi saya, sebenarnya objektif terbesar dalam pengamalan muamalat dan sistem kewangan Islam adalah untuk memelihara agama Islam itu sendiri. Tidak semestinya penjagaan agama itu akan datang dalam bentuk yang disokong oleh data-data perangkaan ekonomi. Lihat sahaja kejayaan sistem kewangan Islam pada zaman Rasulullah. Ia tidak semestinya menjadi kuasa terhebat ekonomi dari sudut data dan fakta serta angka. Tidak semestinya terbesar, tertinggi, teruntung dan sebagainya.

Justeru, kita seharusnya melihat maksud sebenar pengamalan sistem ekonomi, kewangan dan perbankan Islam adalah untuk memasakkan keyakinan bahawa harta itu milik Allah dan manusia hanya pemegang amanah yang mesti mengutamakan keredaan Allah s.w.t. dan keberkatan dalam apa-apa jua urusan kewangan dan perniagaan.

Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud: "Dan janganlah kamu memakan harta antara kamu secara batil." (*Surah al-Baqarah* 2: 188)

Nabi s.a.w. juga pernah bersabda yang bermaksud:

"Setiap daging yang tumbuh daripada sumber dan perkara haram, maka neraka lebih layak baginya." (Riwayat al-Hakim)

Daripada pemahaman nas-nas ini, umat Islam mesti mengelakkan diri mereka daripada memakan hasil daripada harta yang haram. Ini kerana mereka perlu menjaga diri daripada terjerumus ke dalam neraka Allah yang disediakan bagi mereka yang melanggar syariat dan agama-Nya. Mereka mungkin jelas tentang pemakanan haram yang berpunca daripada jenis haiwan yang dimakan, cara sembelihan dan sebagainya, namun ramai daripada mereka yang masih kabur dan mungkin langsung tidak mengerti mengenai sistem transaksi yang dibenarkan dalam Islam.

Hadir Sebagai Rahmat

Secara ringkasnya, antara matlamat syariah yang telah berjaya dicapai dengan kewujudan sistem muamalat Islam yang wujud hari ini ialah:

1. Menyediakan Alternatif Halal dalam Urusan Kewangan

Sistem muamalat Islam yang mula diperkenalkan di Malaysia yang bermula



secara formal pada tahun 1983 telah membuka mata dan memberi alternatif kepada umat Islam dalam memilih urusan transaksi yang patuh syariah demi menjaga agama mereka.

Manakan tidak, apabila digembar-gembar mengenai sistem muamalat Islam ini, umat Islam mula mendapat pendedahan yang luas dan mengetahui tentang halal haram dalam transaksi harian mereka. Mereka juga mendapat peluang untuk menggunakan perkhidmatan transaksi yang halal kerana mereka sudah mempunyai pilihan, berbanding sebelum ini mereka terpaksa bergelumang dengan transaksi kewangan konvensional yang memelopori sistem ekonomi dan pasaran.

2. Menyebarluaskan Ilmu Muamalat Islam dalam Masyarakat

Hari ini, semakin ramai individu berusaha untuk mendalami ilmu-ilmu muamalat ini, sama ada untuk menjadikan kehidupan mereka mematuhi kehendak syariah atau menyasarkan kerjaya pada masa akan datang.

Kemampuan industri kewangan Islam hari ini mencipta nama dalam sektor kewangan dunia, berjaya mencapai *maqasid* mempopularkan ilmu-ilmu Islam sehingga ilmu halal haram yang melibatkan konsep seperti *riba*, *gharar*, *maysir* dan pelbagai

lagi disebut di sekian banyak persidangan besar di seluruh dunia, termasuk di institusi-institusi pengajian tinggi seluruh dunia. Institusi pengajian tinggi yang menyediakan kursus dalam bidang muamalat Islam juga bertambah secara drastik sama ada di negara Islam mahupun negara bukan Islam.

3. Ilmuwan dan Ilmu Syariah Menjadi Rujukan Perniagaan

Se kian lama ilmuwan dan ulama syariah dianggap terpisah daripada dunia perniagaan. Malah jarang sekali fatwa atau pandangan mereka diambil perhatian. Namun kini, pelantikan panel penasihat syariah perlu dilakukan usaha memastikan produk-produk institusi kewangan Islam yang mereka pasarkan memenuhi kehendak syariah. Sekali lagi, *maqasid* syariah dapat dicapai apabila institusi korporat mula mendampingi para ulama dan



Mendapat ijazah B.A Usuluddin (UM), M.A (Fiqh dan Usul Fiqh) dari Universiti al-Yarmouk, Jordan dan PhD (Islamic Finance) dari University of Wales, UK. Mendapat ijazah ilmiyah dari Dr. Yusuf al-Qaradawi. Antara guru beliau, Sheikh Dr. Abd Sattar Abu Ghuddah dan Sheikh Muhammad 'Uqlah. Kini sebagai Penolong Profesor di UIAM, Ahli Lembaga Pengarah al-Nagly Islamic Solution Sdn. Bhd., Ahli Majlis, Institut Perbankan & Kewangan Islam UIAM, Penasihat Syariah bagi Al-Rajhi Bank, ACR Retakaful Bahrain, Yasmin Holdings dan beberapa syarikat korporat di Malaysia. Layari www.zaharuddin.net

DR. ZAHARUDDIN ABD. RAHMAN

meminta panduan dalam perniagaan. Tidak dinafikan ia merupakan satu pencapaian objektif syariah yang amat baik.

Suasana ini menjadikan bidang berkaitan ilmu muamalat ini semakin popular dan mendapat sambutan yang hangat daripada masyarakat. Ilmu muamalat juga mula tersebar luas rentetan ramai cendekiawan yang mahir dalam ilmu muamalat ini menyampaikan ilmu mereka kepada mereka yang berminat dan berhajat kepadanya. Ini secara langsung telah menaikkan nama Islam itu sendiri kerana Islam bukan sahaja memfokuskan tentang ibadah dan pemerintahan, bahkan mempunyai sistem yang tersendiri dalam transaksi kewangan, ekonomi dan perniagaan.

Agama Terpelihara

Ini tentunya sebahagian maksud sebenar daripada penyariatian ilmu muamalat Islam iaitu menjaga agama itu sendiri terlebih dahulu. Rasulullah juga pernah bersabda yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah itu Maha Baik, tidak menerima sesuatu kecuali yang baik. Sesungguhnya Allah memerintahkan kepada orang Mukmin sebagaimana yang diperintahkan-Nya kepada para utusan Allah. Allah berfirman (yang bermaksud): 'Wahai para rasul, makanlah daripada makanan yang baik-baik dan kerjakan amalan yang soleh.' (Surah al-Mu'minun 23: 51)

Demikian juga Allah berfirman yang bermaksud: 'Wahai orang yang beriman, makanlah daripada rezeki yang baik-baik yang kami berikan kepadamu.' (Surah al-Baqarah 2: 172)

Kemudian Baginda menceritakan tentang seseorang yang telah lama bermusafir. Rambutnya kusut dan (badannya) penuh debu. Dia menadah kedua-dua tangannya ke langit seraya berkata: 'Ya Rab! Ya Rab!' Padahal makanannya haram, minumannya haram, pakaiannya haram dan perutnya diisi dengan makanan yang haram, maka bagaimana mungkin doanya dapat di-kabulkan? (Riwayat Muslim)

Dengan ini, jelaslah penyariatian ilmu muamalat Islam hadir dengan objektif memelihara kesucian agama Islam melebihi perkara-perkara lain. Ini kerana kita faham bahawa kedudukan lima aspek penjagaan terhadap *daruriyyat* bukanlah berada dalam satu tahap yang sama, sebaliknya ia berbeza.

Penjagaan terhadap agama merupakan perkara paling penting berbanding yang lain. Malah, jika aspek ini sahaja yang berjaya dicapai berbanding yang lain, itu juga sudah memadai disebabkan kepentingan tertingginya. ■